



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 27 JUN 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	KURANGKAN CAMPUR TANGAN ORANG TENGAH, NASIONAL, SINAR HARIAN -18 ANGKASA OPTIMIS REKOD PEROLEHAN RM1 BILION, NEWS, BERITA HARIAN (JOHOR) -63	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
3. 4.	CUBAAN SELUDUP BENIH MARKISA GAGAL, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -45 MAQIS GAGALKAN CUBAAN EKSPORT RAJA BUAH, NEGARA, KOSMO -12	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	PROJEK KIFT DIMETERAI SEMULA, NEWS, SINAR HARIAN (UTARA) -20	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	BUKAN PENAFIAN TEKNOLOGI MODEN, KOSMO 2, KOSMO -21	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
7. 8.	PERTAHANKAN GELARAN JELAPANG PADI, NEWS, SINAR HARIAN (UTARA) -19 HARUMANIS: KEDAH, PERLIS TIDAK BERSAING, NEWS, SINAR HARIAN (UTARA) -20	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
9.	FAMA SASAR PENINGKATAN HASIL PENGELUARAN ROSELLE, TENGAH, SINAR HARIAN -19	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Kurangkan campur tangan orang tengah		
Media Title	Sinar Harian		
Date	27 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	18	Readership	420,000
Language	Malay	Article Size	281 cm ²
Journalist	N/A	Ad Value	RM 5,957
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,871



Kurangkan campur tangan orang tengah

KUANTAN - Selepas kerajaan bersetuju meneliti pelaksanaan inisiatif Program Barang Asas 100 (BA100), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) yakin dapat merekodkan perolehan RM1 bilion yang mampu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, Angkasa bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani diberi tanggungjawab oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bagi mencari jalan mengurangkan harga barangan keperluan asas dan peranan orang tengah.

Menurutnya, pihaknya juga yakin dengan program yang dilaksanakan itu akan dapat membantu mengurangkan secara puratanya empat peratus lebih murah daripada harga barang semasa di pasaran.

"Perkara ini telah mendapat persetujuan selepas mesyuarat Majlis Tindakan



Abdul Fattah (berdiri di kiri) beramah mesra dengan tetamu yang hadir pada majlis Aidilfitri anjuran Angkasa Zon 1 di Kuantan semalam.

Kos Sara Hidup (NACCOL) yang dipengerusikan Dr Wan Azizah semalam (kelmarin). Jadi kita akan memastikan 100 kedai runcit di bawah Angkasa ketika ini dapat membantu menjayakan hasrat kerajaan.

"Bagi mengurangkan kos sara hidup pula, kita dapati ia boleh dilakukan dengan mengurangkan campur tangan orang tengah dan inilah peranan yang boleh dimainkan Angkasa," katanya pada majlis Aidilfitri anjuran Angkasa Zon 1 di sini se-



malam.

Abdul Fattah berkata, pada masa kini terlalu ramai dan banyak lapisan orang tengah yang menyebabkan barang menjadi mahal di kedai runcit.

"Pengguna terkesan dengan keadaan ini. Kita boleh menggantikan peranan mereka (orang tengah) kerana Angkasa mempunyai rangkaian yang baik dengan lebih 3,000 buah koperasi di seluruh negara ketika ini," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya telah

membelanjakan kira-kira RM3 juta bagi membangunkan aplikasi Platform Peruncitan Barang Asas (BARP) yang kini boleh digunakan ahli koperasi dan orang ramai untuk membeli barangan keperluan asas di kedai runcit atau koperasi di bawah penyeliaan Angkasa.

Menurutnya, melalui aplikasi itu, pelanggan bukan sahaja boleh menemukan barangan yang mahu dibeli, malah peniaga juga menyediakan perkhidmatan pembungkusan dan penghantaran kepada pelanggan.

"Aplikasi ini sama sahaja dengan perkhidmatan ditawarkan syarikat *e-hailing* lain. Kita boleh buat tempahan dan pembayaran ketika penerimaan barangan atau dibayar secara pindahan wang internet.

"Buat masa ini, hanya 100 kedai runcit dan koperasi Angkasa terlibat secara langsung dalam inisiatif BA100. Kita jangkakan pada 2020 kita dapat mencapai 3,000 buah kedai runcit dan koperasi," katanya.

Headline	ANGKASA optimis rekod perolehan RM1 bilion		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	27 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	9,832
Page No	63	Readership	29,496
Language	Malay	ArticleSize	403 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,236
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,708



ANGKASA optimis rekod perolehan RM1 bilion

Kuantan: Angkatan Koperasi Kebangsaan Berhad (ANGKASA) yakin dapat mencatat perolehan RM1 bilion susulan langkah kerajaan meneliti semula pelaksanaan inisiatif Program Barang Asas 100 (BA100) bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata ANGKASA bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementrian Pertanian dan Industri Asas Tani diberi tanggungjawab oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, bagi mencari jalan mengurangkan harga barangan keperluan asas dan peranan orang tengah.

"Perkara ini sudah dipersetujui semalam (kemarin) selepas mesyuarat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOS) dipengerusikan Datuk Seri Dr Wan Azizah, jadi kita akan memastikan 100 kedai runcit di bawah ANGKASA dapat membantu menjayakan hasrat kerajaan ini.

"Bagi mengurangkan kos sara hidup pula, kita dapati ia boleh dilakukan dengan mengurangkan campur tangan orang tengah dan inilah peranan yang boleh dimainkan ANGKASA. Kita boleh menggantikan peranan mereka (orang tengah) memandangkan ANGKASA mempunyai lebih 3,000 kope-

rasi di seluruh negara ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri Anjuran ANGKASA Zon 1, di sini, semalam.

Bangun aplikasi BARP

Abdul Fattah berkata, pihaknya sudah membelanjakan RM3 juta bagi membangunkan aplikasi Platform Peruncitan Barang Asas (BARP) yang kini boleh digunakan ahli koperasi dan orang ramai bagi membeli barangan keperluan asas di kedai runcit atau koperasi kendallan ANGKASA.

Katanya, melalui aplikasi itu, pelanggan bukan sahaja boleh menempah barangan yang ingin dibeli, pihak peniaga juga menyediakan perkhidmatan pembungkusan dan penghantaran kepada pelanggan.

"Aplikasi ini sama sahaja dengan perkhidmatan ditawarkan syarikat e-hailing lain, kita boleh buat tempahan dan pembayaran ketika penerimaan barangan atau dibayar secara pindahan wang (menerusi perbankan) internet.

"Kita percaya aplikasi ini dan pengenalan program BA100, ANGKASA dapat mencapai sasaran perolehan RM1 bilion tahun depan," katanya.

(FOTO FARIZUL HAQIZ AWANG / BHI)



Abdul Fattah (tiga dari kanan) beramah mesra bersama tetamu pada sambutan jama'an Aidilfitri ANGKASA Negeri Pahang di Kuantan, semalam.

Cubaan seludup benih markisa gagal

Oleh YULPISMAN ASLI
pergaring@utusan.com.my

■ SEPANG 26 JUN

JABATAN Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya menahkakan cubaan menyeludup 100 batang anak pokok markisa bersama media tanam (tanah) atau nama saintifiknya *Passiflora edulis* sp. dari China, Abad lalu.

Pengarah MAQIS negeri, Dr. Tarmisul Alimin berkata, rampasan itu dibuat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) di laluan ketibaan kira-kira pukul 8 malam.

"Jumlah anak pokok yang dirampas sebanyak 100 batang dianggarkan bernilai mencecah ribuan ringgit. Tujuan tumbuhan ini dibawa masuk ke Malaysia dipercayai untuk dipasarkan di pasaran tempatan.

"Perbuatan mengimport apa-apa jenis tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanam atau mikroorganisme tanpa permit import yang sah daripada MAQIS menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 11 (1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dituntut di bawah Seksyen 11 (3), akta yang sama.

"Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh

tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, menurut Tarmisul, pihaknya juga menyekat tiga buah kontena mengandungi 1,440 kilogram durian segar untuk dieksport ke China kerana tidak mematuhi syarat eksport di Kawasan Pemeriksaan Kastam Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kira-kira pukul 5 petang kelmarin.

Jelasnya, hasil pemeriksaan mendapati suhu tempat penyimpanan durian pada ketiga-tiga kontena tersebut terlalu tinggi sehingga boleh menjejaskan kualiti buah, dan suhu di dalam kontena tidak mengikut syarat eksport ditetapkan.



ANAK pokok markisa yang dirampas selepas cuba diseludup ke negara ini dari China melalui KLIA2 di Sepang, Abad lalu. - IHSAN MAQIS

Maqis gagal cubaan eksport raja buah

Oleh NOR IDAYU BOSRO

SEPANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin & Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya menyekat tiga buah kontena berisi 120 kotak durian segar seberat 1,440 kilogram (kg) di Kawasan Pemeriksaan Kas-tam Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Selasa lalu.

Pengarah Maqis Negeri Selangor, Dr. Tarmisal Alimin dalam satu kenyataan berkata, buah durian itu mahu dieksport ke negara China, namun ia tidak mematuhi syarat eksport.

"Hasil pemeriksaan terhadap ketiga-tiga kontena itu mendapati suhu pada tempat penyimpanan durian terlalu tinggi dan akan menjejaskan



KETUA Pengarah Maqis, Saiful Yazan Aliwi (kanan) menunjukkan buah durian segar yang disekat untuk dieksport ke China di Sepang kelmarin.

kualiti buah tersebut.

"Suhu di dalam kontena itu tidak mengikut syarat eksport yang ditetapkan," katanya di sini semalam.

Tarmisal berkata, antara

suhu -18 darjah Celsius hingga -25 darjah Celsius hingga sampai ke destinasi.

"Syarat itu sudah termaktub dalam peraturan untuk persetujuan pihak China sebelum pengeksportan boleh dimulakan.

"Selain itu, dokumen termasuk Eksport Permit dari Maqis, Sijil Fitosanitasi dari Jabatan Pertanian dan Sijil Pematuhan 3P (GPL) daripada FAMA diperlukan," katanya.

Katanya, setiap pengeksport haruslah mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan dalam memastikan produk pertanian negara Malaysia yang dieksport adalah selamat dan mempunyai kualiti yang tinggi.

syarat mengeksport buah durian segar ke negara China ialah buah durian harus disejuk beku pada suhu -30 darjah Celsius selama 30 minit, disimpan dan dieksport pada

Headline	Projek KIFT dimeterai semula		
Media Title	Sinar Harian (Utara)		
Date	27 Jun 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	40,000
Page No	20	Readership	120,000
Language	Malay	Article Size	382 cm ²
Journalist	ROSLINDA HASHIM	Ad Value	RM 4,116
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,348



Projek KIFT dimeterai semula

Mengalami sedikit perubahan berbanding pelan asal

ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

Pembangunan Terminal Perikanan Bersepadu Kedah (KIFT) dimeterai semula antara kerajaan negeri dengan syarikat perikanan terkemuka China, Kumpulan Qingdao Lu Hai Feng (LHF) dalam skala lebih kecil dan berfasa.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, KIFT yang dicetuskan pada 2015 ketika beliau menerajui Kedah ketika itu, mengalami sedikit perubahan berbanding

pelan asal setelah memorandum persefahaman (MoU) baharu dimeterai antara LHF dengan Menteri Besar Kedah Incorporated (MBI).

Menurutnya, terminal KIFT bernilai RMI bilion itu akan dibina di utara muara Kuala Kedah, berbanding lokasi asal dicadangkan sebelum ini di Tebengau (Selatan).

"Pembangunan terminal KIFT akan dimulakan dalam masa terdekat setelah peroleh Kebenaran Merancang (KM), namun operasi menangkap ikan tuna di Lautan Hindi bermula bulan depan, memandangkan lesen sementara telah dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani," katanya pada sidang media, selepas menyaksikan majlis menandatangani MoU antara LHF dan MBI, di Wisma Darul Aman semalam.

Pada majlis itu, LHF



Mukhriz (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen antara Liu Jiahong dan Dr Mahadi (kanan), turut disaksikan Feng Hong Hai (tiga dari kiri) selepas MoU dimeterai antara LHF dan MBI semalam.

diwakili Timbalan Presiden Qingdao Luhaffeng Foods Group Co. Ltd., Liu Jiahong, manakala MBI diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Mahadi Mohamad.

Turut menyaksikan perjanjian bersejarah itu, Jawatankuasa Kerja dan

Pengarah Urusan Jawatankuasa Pentadbiran Zon Ekonomi Dongjiakou, Feng Hong Hai.

Mukhriz berkata, operasi sementara akan dilakukan di Pelabuhan Langkawi sehingga KIFT siap sepenuhnya memandangkan Langkawi memiliki

kemudahan terbaik dalam pelbagai aspek.

Menurutnya, enam kapal milik syarikat itu sudah tiba di Langkawi, hanya menunggu lesen sementara daripada Jabatan Perikanan Kedah untuk mulakan kerja menangkap tuna di Lautan Hindi.

info

Pembangunan terminal KIFT akan dimulakan dalam masa terdekat setelah peroleh Kebenaran Merancang

"Kerjasama ini jadikan Kedah sebagai pusat pendaratan tuna diproses di Langkawi, sebelum berpindah ke Kuala Kedah dan dieksport ke China melalui Qingdao. Tentunya kita perlukan teknologi, kapal khas untuk penyimpanan ikan serta keupayaan mengeksport. Semua kemudahan ini disediakan LHF bersama kerajaan Qingdao," katanya.

Mukhriz yakin projek itu menyaksikan perkongsian teknologi dari aspek penangkapan ikan laut dalam, pemrosesan dan pembekuan ikan dimiliki syarikat itu di Qingdao.

Headline	Bukan penafian teknologi moden		
MediaTitle	Kosmo		
Date	27 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	155,996
Page No	21	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	218 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,657
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,971



Bukan penafian teknologi moden

SETIAP satu ciptaan Allah yang ada di muka bumi mempunyai kelebihan dan kegunaan masing-masing.

Tumbuhan herba antara kurniaan yang paling bernilai buat manusia kerana mengandungi manfaatnya yang tersendiri dalam membantu merawat sesuatu kesakitan atau penyakit.

Di dunia ini terdapat pelbagai tumbuhan herba dan kebanyakan pengamal perubatan tradisional menggunakannya.

Pakar pemakanan yang juga



SURI

merupakan bekas saintis Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Dr. Suri Roowi berkata, sumber alami meliputi tumbuhan herba, buah-buahan dan sayur-sayuran mempunyai manfaat untuk kesihatan.

Jelasnya, banyak kajian telah dilakukan oleh pelbagai pihak dan sumber-sumber seperti herba boleh digunakan untuk tujuan perubatan.

"Kita bukan menafikan tentang teknologi rawatan **terkini**

yang semakin moden, tetapi tumbuhan-tumbuhan herba ini juga mempunyai kebaikannya yang tersendiri dan telah digunakan lama dalam perubatan tradisional.

"Kita lihat cara pemakanan Nabi Muhammad SAW, banyak makanan sunah adalah berasaskan sumber alam seperti kurma, madu dan lain-lain lagi," katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Dalam pada itu, Suri menegaskan, tumbuhan herba ini juga harus diolah dengan teknik yang betul jika ingin mengekalkan khasiatnya.

"Teknik penyediaannya **harus** tepat dan betul. Tidak semua tumbuhan herba boleh dicampur begitu sahaja. Mungkin ada campuran yang tidak sesuai antara satu sama lain. Oleh itu formulasi campuran haruslah bersesuaian.

"Sesetengah daripada kita apabila mengolah tumbuhan herba untuk dijadikan penawar, mereka akan memanaskannya dengan suhu yang tinggi. Jika dipanaskan dengan suhu yang tinggi, khasiat-khasiat yang ada pada sesuatu tumbuhan herba itu boleh hilang," tegasnya.

Headline	Pertahankan gelaran Jelapang Padi		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	27 Jun 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	40,000
Page No	19	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	356 cm ²
Journalist	NURUL HIDAYAH HAMID	AdValue	RM 3,836
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,508



Pertahankan gelaran Jelapang Padi

Kedah cari mekanisma bagi bendung kehilangan tanah sawah

NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Kerajaan negeri akan mencari mekanisme bagi mengekang pengambilan tanah sawah padi untuk kegunaan lain dalam usaha pertahankan Kedah sebagai negeri Jelapang Padi.

Exco Pertanian dan Asas Tani, Azman Nasrudin berkata, pihaknya mendapati tanah sawah padi di negeri ini untuk menyediakan makanan ruji rakyat Malaysia didapati makin lama makin berkurangan.

Menurutnya, Kedah didapati kehilangan kira-kira 35,000 hektar sawah padi yang ditukarkan kepada kegunaan lain dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

"Dalam tempoh 10 ta-



Azman (tengah) bersama Elyas (kiri) dan Fouzi melakukan gimik perasmian program itu semalam.

hun ini, kita dapati tanah sawah padi itu ditukarkan untuk aktiviti lain seperti pembangunan dan perumahan.

"Untuk itu, kita akan mengambil beberapa inisiatif dalam usaha membendung pengambilan tanah sawah padi, sekaligus mempertahankan Kedah sebagai Jelapang Padi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 2019 anjuran Jabatan Pertanian Kedah di Jalan

Kuala Kedah di sini semalam.

Turut hadir, Pengarah Pertanian Kedah, Elyas Saad dan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Fouzi Ali.

"Sebelum ini, beberapa langkah diambil MADA dan Jabatan Pertanian Kedah demi merealisasikan hasrat itu, dan untuk rancangan masa depan kerajaan negeri akan berbincang dengan kerajaan Pusat untuk mengambil langkah lebih komprehensif demi melihat kawasan padi dikedah," katanya.

info

Kira-kira 35,000 hektar sawah padi ditukarkan kepada kegunaan lain dalam tempoh 10 tahun

kalkan," katanya.

Azman berkata, kerajaan negeri akan buat penelitian berhubung isu itu dalam Konvensyen Padi Kedah tidak lama lagi bagi melihat keseluruhan tanah milik persendirian untuk diselamatkan agar ia tidak ditukar kepada perumahan.

"Sebagai contoh, kita mungkin meletakkan kriteria sejumlah hektar tanah tidak boleh diganggu gugat bagi kelangsungan sawah padi," katanya.

Menurutnya, antara usaha diambil kini, pihaknya mengalakkan pesawah yang memiliki sawah padi kira-kira dua hektar untuk melakukan secara ladang.

Kata Azman, pihaknya melihat usaha pesawah memerlukan tanaman secara estet bukan hanya lebih ekonomik, malah mampu meningkatkan pendapatan mereka.

Headline	Harumanis: Kedah, Perlis tidak bersaing		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	27 Jun 2019	Color	Black/white
Section	NEWS	Circulation	40,000
Page No	20	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	139 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 890
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,669



Harumanis: Kedah, Perlis tidak bersaing

ALOR SETAR - Kerajaan negeri tidak berhasrat untuk bersaing dengan Perlis melalui pengeluaran mempelam ataupun mangga harumanis.

Exco Pertanian dan Asas Tani, Azman Nasrudin, berkata, beliau menolak dakwaan pihak tertentu kewujudan harumanis Kedah untuk menyaingi harumanis Perlis.

Azman berkata, tidak dinafikan, pihaknya ada menerima maklumat berkaitan rungutan dari petani di Perlis berhubung pengeluaran harumanis Kedah itu.

"Bagaimanapun, kita ingin tegaskan bahawa Kedah tidak pernah berhasrat untuk mengganggu gugat pasaran harumanis Perlis melalui pengeluaran harumanis Kedah.

"Malah, harumanis Kedah adalah saling melengkapi pengeluaran harumanis Perlis bagi memenuhi pasaran terhadap permintaan mangga itu," katanya.

Beliau berkata sedemikian pada sidang media selepas merasmikan Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 2019 anjuran Jabatan Pertanian Kedah di Jalan Kuala Kedah di sini semalam.

Turut hadir, Pengarah Pertanian Kedah, Eliyas Saad dan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Fouzi Ali.

"Dengan keluasan Perlis agak kecil, maka pengeluaran mangga itu di Kedah adalah demi melengkapi permintaan harumanis di Perlis, dengan itu tiada timbul soal saingan," katanya.

Menurut Azman, pihaknya juga bersedia memberi kerjasama dengan Perlis untuk membincangkan harga muna-sabah dan kualiti baik bagi mangga tersebut.

Sehingga kini, harumanis Kedah dari Padang Terap dan Kubang Pasu di tanah berkeluasan 750 hektar mengeluarkan kira-kira 3 tan pada musim ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/06/2019	SINAR HARIAN	TENGAH	19

FAMA sasar peningkatan hasil pengeluaran roselle

KUANTAN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mensasarkan nilai pengeluaran tanaman bunga roselle di Pahang meningkat kepada 25 tan metrik tahun ini berbanding 21 tan metrik tahun lalu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Ishak berkata, ia berikutan berlaku peningkatan permintaan bukan sahaja di dalam negara malah di luar negara.

Menurutnya, walaupun terdapat banyak kawasan di negara ini yang melakukan tanaman pokok roselle namun Rompin merupakan kawasan yang terbaik dan menghasilkan bunga roselle yang berkualiti yang mampu dieksport ke luar negara.

"Pada tahun lalu, 21 tan metrik hasil tanaman roselle dihasilkan di mana 10 tan daripadanya adalah



Ahmad (dua dari kiri) beramah mesra bersama kakitangan dan usahawan FAMA yang hadir pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Bersama Usahawan FAMA semalam.

untuk eksport ke negara seperti Singapura, Hong Kong dan China dan Australia.

"Roselle mengeluarkan hasil yang baik di Rompin atas beberapa faktor seperti tanahnya yang sesuai, penggunaan jenis benih roselle yang betul dan petani di situ yang mempunyai kemahiran betul me-

nanam pokok tersebut.

"Saya berharap petani di kawasan lain yang menanam roselle dapat menjadikan petani di Rompin sebagai contoh dan kita juga akan menjadikan petani roselle di Rompin sebagai rolé model untuk petani lain di negara ini," katanya kepada media semalam.